

Penyaman udara jenama sendiri

SEPERTI dijanjikan minggu lepas, keluaran kali ini memaparkan inovasi yang tidak kurang hebatnya iaitu penyaman udara buatan sendiri.

Cuba jangan membayangkan jenama sedia ada di pasaran kerana harganya mahal, tetapi inovasi ini memberi kita pilihan terbaik untuk mereka yang mahu melakukan sendiri.

Pada akhirnya, matlamat yang anda ingini ialah menyejukkan bilik atau ruang rehat tanpa memikirkan bil elektrik yang mungkin meningkat daripada biasa.

Kalau hendak berbangga juga dengan ciptaan anda, letakkan jenama kesukaan supaya anda berbangga kerananya.

Alatan yang digunakan:

- Kipas (kipas meja)
- Papan tebal lima inci lebar x 1.5 kaki panjang x 10 milimeter (mm) tebal - dua keping
- Papan tebal 5 inci lebar x dua kaki panjang x 10mm tebal - dua keping
- Jaring nyamuk (2 kaki x 1.5 kaki) - sekeping
- Kain lampin
- Paku
- Bekas takung air

Langkah 1

Bina bingkai kayu dari papan lima inci hasil kotak berukuran 1.5 kaki x 2 kaki x 5 inci

Langkah 2

Tutupkan bahagian belakang kotak kayu dengan meletakkan jaring nyamuk menggunakan paku. Pastikan jaring berada dalam keadaan tegang.

Langkah 3


Basahkan kain lampin kemudian tutup bahagian belakang jaring tadi dengan kemas.

Langkah 4

Gantikan bekas takungan air yang dapat memuatkan saiz kotak kayu, isi air sehingga separuh bahagian takungan. Masukkan bingkai kayu yang telah siap dipasang dengan jaring dan lampin tersebut ke dalam bekas takungan air. Pastikan bahagian bawah kain lampin sentiasa berada dalam air supaya ia sentiasa berada dalam keadaan basah.

Langkah 5

Letakkan kipas menghadap ke depan seperti gambarajah. Hidupkan suis kipas untuk melihat hasil yang di perolehi. Setelah kipas dihidupkan, kita akan dapati udara panas akan di sodot melalui kain lampin tersebut. Penyerapan haba akan berlaku apabila kain lampin menyerap air di dalam takungan dan menguburkan udara sejuk melalui kipas.



● Maklumat lanjut, sila lawati laman web www.zumdesign.com.my dan boleh e-melkan sebarang pertanyaan ke marketing@zumdesign.com.my Minggu depan, Tenaga elektrik daripada angin